

24 DEC 1998

UCAP SELAMAT HARI KRISMAS DARIPADA PRESIDEN MIC

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata hari ini, dengan tanda-tanda pemulihan ekonomi, rakyat Malaysia yang beragama Kristian boleh merayakan Krismas esok dengan kegembiraan.

"Dengan pemulihan ekonomi sepenuhnya tidak lama lagi, rakyat Malaysia boleh bergembira dengan sambutan Krismas tahun ini," katanya dalam perutusan ucap selamat hari Krismasnya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan rakyat supaya berjimat semasa berbelanja.

Samy Vellu berkata rakyat Malaysia telah menunjukkan semangat, komitmen dan kerjasama yang kukuh untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi.

"Hakikatnya (pemulihan ekonomi) telah tiba," katanya dengan memberikan contoh laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) berkaitan status ekonomi Malaysia.

Laporan IMF itu menyatakan pasaran kewangan Malaysia telah menstabil dan permintaan pengguna menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

Samy Vellu berkata laporan positif IMF itu terhadap Malaysia adalah berikutan pelaksanaan ekonomi berhemat oleh kerajaan dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Langkah pemulihan ekonomi itu telah membuktikan kepada dunia, ia telah membuahkan hasil yang baik," katanya.

--BERNAMA

ES RI